

# Cabaran kepada ulama Pas

UM-2 (6/2007)

MUKTAMAR Dewan Ulama Pas Ke-46 yang berlangsung di Markas Dewan Ulama (MADU) kelmarin di Labok, Machang, telah menyaksikan perubahan pucuk pimpinan berikutan pengunduran Datuk Harun Taib yang merebut jawatan Timbalan Presiden.

Ia diisi oleh Muhammad Daud yang menang tanpa bertanding, melalui pendekatan syura sejajar dengan tahap kedudukan anggota dewan itu walaupun sebelum itu dikatakan akan berlaku pertandingan bagi kesemua jawatan utama.

Jika berlaku perebutan jawatan, tentunya menggambarkan wujudnya pergeseran di kalangan pimpinannya dan menjejaskan imej dewan yang dipandang tinggi oleh ahli.

Pelantikan Muhammad yang lebih dikenali sebagai Mat Iraq, menyaksikan Dewan Ulama, sebagai sayap paling berpengaruh dalam parti kekal dibarisi kepimpinan muka lama termasuk Hashim Jasin selaku Timbalan dan Salleh Sani Harun Al-Hafiz, Naib Ketua.

Bagi Muhammad, pelantikan tersebut merupakan tanggungjawab berat yang perlu dipikul ketika Presiden parti itu, Datuk Seri Abdul Hadi Awang sendiri mahu peranan ulama dalam Pas dimantap bagi menangani sebarang bentuk cabaran.

Kritikan terhadap sikap ulama juga semakin lantang kedengaran termasuk dalam Muktamar Dewan Pemuda dan juga dalam Muktamar Dewan Ulama sendiri yang mempersoalkan mereka tidak 'turun padang' bersama masyarakat untuk mendekatkan kefahaman Islam sebenar.

## Tanggungjawab

Muhammad mengakui tanggungjawab yang diamanahkan kepadanya adalah berat dan beliau mengharapkan sumbangan idea selain kerjasama dewan-dewan ulama di peringkat negeri.

"Peranan paling besar saya ketika ini adalah untuk menerajui Dewan Ulama menghadapi pilihan raya umum akan datang," katanya ketika diajukan persoalan antara cabaran terbesar yang bakal dihadapinya.

Ke mana beliau akan membawa Dewan Ulama selepas itu?

Adakah Dewan itu masih 'dibayangi' kepimpinan terdahulu.

Ketika ditanya apakah beliau bersedia membuat perubahan demi perubahan seiring dengan tuntutan semasa, Muhammad sekadar berkata: "Dalam Pas lebih mengamalkan musyawarah."

Mengimbas perjalanan Muktamar Dewan Ulama di MADU, dewan itu terus menjadi sasaran kritikan perwakilan yang berpendapat, ulama Pas masih terlalu bersifat konservatif dan tidak berusaha mendekatkan masyarakat kepada ajaran Islam yang sebenar.

Antara perwakilan yang lantang mengkritik ialah Zulkifli Abdul Mutalib dari Pulau Pinang, selain wakil Kedah, Melaka dan Perak yang rata-rata mahu ulama Pas lebih kerap 'turun padang' dan 'menjuarai' sesuatu isu berkepentingan rakyat.

Selain itu, perwakilan turut membangkitkan masalah kecenderungan segelintir ulama dalam Pas yang jika berceramah 'ikut suka hati' tanpa berlandaskan fakta dan nas bagi menyokong hujah.